


Ramai pemimpin jadi mangsa

TABIAT MELAYU MUDAH PERCAYA PADA FITNAH?



Penjualan Proton Saga di pasaran Amerika, pada permulaan kita terpaksa bersaing dengan harga kereta-kereta keluaran Korea, Yugoslavia dan Jepun yang sama harganya.

Pen: RAZIYAHAYA

18 April 24 April 1987 akan menjelang tidak berapa lama lagi, Tarikh ini amat penting kerana pemilihan akan dijalankan dari Presiden hingga ke majlis kerja tertinggi UMNO. Kempen kali ini hebat sekali segala macam bentuk fitnah dan tohmahan dilemparkan kepada pemimpin yang ada sekarang agar ia ditukar.

Berubah fitnah dan tohmahan itu, hanya Tuhan Yang Maha Mengetahui. Kalau kita renung dan membuat kajian yang teliti, ternyata orang-orang Melayu cepat percaya dan melahap terhadap sesuatu fitnah dan tohmahan. Kita mudah menerima tanpa membuat kajian dan menyelidik terlebih dahulu. Oleh kerana keadaan ini PM yang benar-benar ingin memperjuangkan maruah orang-orang Melayu menjadi mangsa fitnah dan tohmahan.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah seorang Perdana Menteri yang mempunyai vision yang jauh. Apa yang dilakukan adalah untuk faedah orang-orang Melayu dalam jangka-masa yang panjang. Ia mungkin maruah orang-orang Melayu tinggi dan selendang dengan bangsa-bangsa lain di dunia. Kita mesti faham hakikat ini.

Sejak ia mengambil-alih tampuk pemerintahan, nilai-nilai Islam diterapakan dengan begitu luas, mulai dari Bank Islam, Takatul Islam, Universiti Islam dan hasil karya-usaha beliau hingga negara ini dipandang tinggi oleh negara-negara Islam lain. Ini, di kala Islam menerima ancaman di negara-negara Asia Barat sendiri penerapan nilai-nilai Islam di Malaysia begitu ketara sekali. Oleh kerana PM berjaya menerapkan nilai-nilai Islam di negara ini membuat musuh-musuh Islam seperti Amerika begitu cemburu dan cuba menghanaukan negara ini.

Dari segi logiknya, jika PM tidak mementingkan nilai-nilai Islam, orang seperti Anwar Ibrahim yang berprinsip dan teguh dengan pegangan Islam tak mungkin memasuki UMNO dan berjuang bersama-sama beliau. Itulah hakikatnya.

Tiap-tiap perjuangan yang benar memang mempunyai halangan yang amat besar. Nabi Muhammad sendiri menerima ancaman demi agamam dalam menegakkan syiar Islam.

"PM mahu orang-orang Melayu bekerja dengan penuh disiplin, disikasikan membangunkan negara Malaysia. Bukankah mudah menukarkan corak bekerja begitu..."



Datuk Seri Dr. Mahathir - seorang yang tegas dan berdisiplin.

Bermacam-macam bentuk fitnah diteruna oleh Datuk Seri Dr. Mahathir. Kononnya beliau PM yang terkaya di dunia. Kalaulah PM orang yang terkaya di dunia buat apa dia pening-pening kepala memerintah negara yang penuh difanda masalah ini? Lebih baik saja dia membeli sebuah pulau di mana dia boleh bersenang-senang. Tetapi siang-malam beliau berfikir bagaimana untuk memajukan bangsa dan negaranya.

Beliau bukan seorang diktator, sejak adanya kebebasan lebih besar. Kebebasan rakyat berfikir lebih ketara. Petanan media massa lebih meyak. Orang menyatakkan negara ini negara yang 'corrupt'. Itu juga tidak tepat. Bukan sekarang ini saja terdapat rasuah dan penyelewengan, tetapi di zaman pemerintahan dahulu lagi sudah wujud gejala ini. Apa yang kita lihat zaman sekarang orang yang menerima rasuah dan penyelewengan akan didakwa dan dibuka tembelangnya tanpa menutup di sana-sini.

TEGAS

Zaman sebelum ini ia ditutup, tambah-tambah lagi ia melibatkan ahli-ahli politik. Oleh kerana PM seorang yang tegas dan berdisiplin ada orang-orang tertentu yang tidak senang dengan sikapnya. Lagipun mana ada negara dalam dunia yang terlepas dengan gejala rasuah dan penyelewengan.

Dasar pandang ke timur pun bukanlah bererti Datuk Seri Dr. Mahathir mengambil tindakan yang kurang bijak. Beliau mahu mencontohi orang-orang Jepun yang bangun dari keruntuhan Hiroshima dan Nagasaki untuk diikuti oleh bangsanya. Etika kerja orang-orang Jepun itulah yang dianguni oleh PM.

Beliau mahu orang-orang Melayu bekerja dengan penuh disiplin, didikasikan membangunkan negara Malaysia. Bukankah mudah untuk menukar corak bekerja begitu, tetapi insya-Allah PM berharap dalam jangka-masa panjang orang-orang Melayu dapat menilai semua ini. Kalau dulu jarang sekali kita melihat bidang 'construction' yang bekerja hingga larut malam, tapi kini kita dapat melihat pembinaan sesuatu bangunan hingga larut ke pagi. Itu satu etika kerja yang baik.

Seorang menamatkan projek Dayabumi adalah membazir, tetapi bangunan-bangunan yang



Anwar Ibrahim - Berperinsip dan teguh dengan pegangan Islam.

lain seperti Muti Plaza atau Genting, tiada stiapapun mempergunakan. Mengem menjadi lumrah Melayu sesuatu yang dilakukan oleh Melayu cepat benar diperkatakan. Tetapi jika suatu projek dijalankan oleh bangsa asing tidak pula didengar kritikan.

Kita tahu negara kita negara yang sedang membangun, oleh itu kita memerlukan peratur asing untuk tujuan perkembangan ekonomi. Orang-orang yang ingin belajar memerlukan sistem yang baik. Kita hanya mempunyai sistem communication yang elok. Sebagai contoh, kenapa para pelajar kita memburu di Singapura, itu disebabkan sistem pendidikan serta keperluan para pelajar tidak perlu diperkatakan. Orang lebih mengemuti Singapura dari Malaysia. Haras PM yang baik itu telah disalahertakan. Tujuan PM melakukan semua ini supaya menarik para pelabur asing serta meningkatkan imej Malaysia di mata dunia.

Dengan itu para pelabur dapat datang melabur di sektor pelancongan, industri dan sebagainya. Negara ini mempunyai tempat-tempat yang menarik serta hotel-hotel yang bertaraf antarabangsa ini dapat menarik para pelancong datang ke sini.

Proton Saga dan Jambatan Pulau Pinang adalah projek-projek jangka panjang di mana anak cucu kita besar akan rasa bangga kerana ketika itu projek-projek itu akan menampilkan kesannya. Kalau tidak dicuba sekarang bila lagi orang Melayu akan cuba membuat sesuatu? Kalau tidak dipelihara ruyung bagaimana untuk mendapatkan sungunya.

Mana ada orang di dunia ini membuka satu-satu perniagaan mendapat untung serta merta. Membuka gerai makanan sekalipun memerlukan masa untuk mendapatkan keuntungannya. Di masa dahulu semua orang mempertikaikan kereta Jepun dan pada peringkat permulaannya negara Jepun mengalami kerugian kerana melabakkan barang-barangnya di rantau ini. Tapi lihatlah sekarang, hampir seluruh dunia, bangunan Jepun dapat dilihat. Bukankah ini merupakan satu kebanggaan untuk rakyatnya.

Tentang penjualan Proton Saga di pasaran Amerika, kita mesti faham pada peringkat permulaan kita terpaksa bersaing dengan harga kereta-kereta keluaran Korea, Yugoslavia dan Jepun yang sama harganya. Kita tidak boleh menaikan harga lebih dari kereta-kereta ini jika kita hendak

tembusi pasaran di sana.

Tapi dalam perniagaan kita peragat, pada konsep 'buying power'. Buying Power di Amerika adalah lebih tinggi dari negara-negara lain. Yakin kalau di Bangladesh kita dapat menjual hanya 100 unit di Amerika mungkin 100-200 unit. Jang-kamasa panjang ini lebih menguntungkan kereta ini di pasaran di Amerika.

Perlu juga diingat, projek-projek ini tamat di Pulau Pinang atau Dayabumi adalah projek-projek yang ditangka oleh Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri. PM hanya melaksanakan saja memandangkan peruntukan untuk pembiayaan telah dituluskan. PM bukan buat keputusan ber-sotongan. Tiap-tiap projek ini adalah persetujuan para Menteri Kabinet terlebih dahulu. Sebahai itulah diadakan mesyuarat Kabinet setiap hari Rabu.

Tiap kali ini saya akan berfikir hingga tengahnya. Masalah PM seorang saja yang beracok. Kalau PM seorang diktator negara ini tentu menjadi seperti negara di Afrika kerana tiada lagi kebebasan beracok, mengkritik, skandal-skandal ditutup dan rasuah-rasuah kerajaan tidak pernah ddedahkan. Kerana tindakan liberal beliaulah rakyat kita menyala-nyala hingga beliaui menanti beaun dari belakang.

Apa yang kita perlukan sekarang ialah seorang pemimpin yang berkewibawaan, mementingkan perpaduan, mengambil berat tentang agama Islam. Cina-cina ini hanya terlewat pada Dr. Mahathir yang pandangannya begitu baik sekali.

LANTANG

Labiah PAS yang ketika dulu lantang kini sudah mulai berumukam. Ini merupakan titik mula perpaduan orang-orang Melayu jika lam pemimpin yang memimpin selepas 24 April ini nanti entahlah apa akan jadi nasib orang-orang Melayu. Perpecahan mungkin lebih ketara. Kita tidak mahu pemimpin yang memelihara mengikat nafsu. Negara-negara pemimpinnya memelihara nafsu tidak akan kek di dunia. Kita tidak mahu bertalakan oleh golongan tertentu yang matikan negara kesayangan kita ini kemuncu.

Kegemaran PM bersahabat dengan negara-negara kecil seperti Maldives, Papua New Guinea, Tonga bukanlah untuk satnggan dan puji-puji. Dengan berbaik dengan negara-negara ini kita boleh meningkatkan kerjasama di bidang ekonomi, perdagangan, pemindahan teknologi dan sebagainya. Kita berasa bangga yang kontraktor Bumiputera telah mendapat rawaran membina masjid di Maldives, Amerika, Jepun tidak memerlukan lagi teknologi ini kerana negara itu telah maju. Inilah bijaknya PM di mana setengah orang tidak dapat senanti.

Sejak Datuk Seri Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, imej Malaysia di mata pemimpin-pemimpin antarabangsa begitu terserlah. Kalau dulu rakyat Amerika tidak mengenali Malaysia, kini sebut saja Malaysia mereka akan mengangguknya. Dulu mereka hanya mengenali Marcos, Lee Kuan Yew saja. Kita patut berbangga kerana pemimpin Melayu juga mempunyai imej setanding dengan bangsa-bangsa lain.

Kesimpulannya Perdana Menteri kita Datuk Seri Dr. Mahathir adalah seorang Perdana Menteri yang bermarah dan pemenuh yang berwibawa. Oleh itu kita rakyat Malaysia khususnya orang-orang Melayu patut berbangga mempunyai seorang Perdana Menteri yang mempunyai vision dan tinggi nilai kepemimpinannya.